

BORANG PENDAFTARAN UMRAH



MAGHFIRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD.
NO. 13-A, JALAN TENGGU AMPUN ZABEDAH 9/B,
SEKSYEN 9, 40100 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.
☎ 03-5524 3215/2315
✉ maghfirahtravel.m@gmail.com

Gambar
(2 keping)
4cm x 6cm

A. BUTIR PERIBADI JEMAAH (1)

Nama Penuh (Mengikut Pasport)

Alamat Surat Menyurat (Alamat Semasa)

Poskod

Bandar

Negeri

No. K/P

Jantina

No. H/P

No. Tel Rumah

Warganegara

Email

Nama Majikan

Pekerjaan

Alamat & No. Telefon Majikan

Jenis Penyakit (Sila nyatakan jika ada)

NAMA PENDAFTAR (PIC)

D. TEMPAHAN BILIK (✓)

Bilik Ber-2	Bilik Ber-3	Bilik Ber-4	Bilik Ber-5
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

E. PILIHAN PAKEJ UMRAH

Nama Pakej	Tarikh Pakej
<input type="text"/>	<input type="text"/>

F. JENIS VAKSIN (✓)

Pfizer	Astra Zeneca	Sinovac	Sinopharm
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

G. JENIS VAKSIN PENGGALAK (✓)

Pfizer	Astra Zeneca	Moderna	Johnson & Johnson
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

H. JENIS VISA (✓)

Pelancong	Umrah
<input type="text"/>	<input type="text"/>

I. CATATAN

Penyerahan Dokumen:
Bayaran Penuh:
Penyerahan B. Hadiah:
Lokasi Kursus Umrah:

B. BUTIRAN PESERTA YANG TURUT BERSAMA PAKEJ (Sekiranya Ada)

Bil	Nama	Hubungan	No. Kad Pengenalan	No. Telefon	Jenis Vaksin	Vaksin Penggalak	Jenis Bilik
2							
3							
4							
5							
6							
7							

C. MAKLUMAT WARIS DI MALAYSIA (Tidak Turut Serta)

Bil	Nama Waris	Pertalian	No. Telefon	Alamat
1				
2				

J. BUTIRAN PESERTA YANG TURUT BERSAMA PAKEJ (Tambahan)

Bil	Nama	No. Kad Pengenalan	Hubungan	No. Telefon	Jenis Vaksin	Vaksin Penggalak	Jenis Bilik
8							
9							
10							
11							
12							
13							
14							
15							
16							
17							
18							
19							
20							
21							
22							
23							
24							
25							
26							
27							
28							
29							
30							
31							
32							
33							
34							
35							
36							
37							
38							
39							
40							
41							
42							
43							

SYARAT-SYARAT PENERIMAAN TAWARAN PERKHIDMATAN UMRAH

- 1) Pelanggan perlu menghubungi Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd untuk memastikan sekiranya masih ada kekosongan pada tarikh yang dipilih serta mendapatkan maklumat lengkap mengenai pakej tersebut.
- 2) Semasa berdaftar, pelanggan perlu menetapkan jenis bilik yang dikehendaki (Quad / Triple / Double). Sekiranya menempah bilik berempat (Quad), pelanggan mesti mendatangkan empat orang atau menunggu pelanggan lain untuk menumpang sekiranya ada. Sekiranya tidak ada, pelanggan akan dcaj mengikut kekosongan jenis bilik yang sedia ada.
- 3) Setiap tempahan perlu disertakan dengan wang deposit seperti berikut:
 - **RM1,000** seorang termasuk bayaran visa. Bayaran penuh perlu dijelaskan selewat-lewatnya **60 hari** sebelum tarikh penerbangan bagi mengelakkan pembatalan tiket.
- 4) Pembayaran boleh dibuat menggunakan wang tunai / perbankan atas talian / cek / draf bank di atas nama Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd melalui nombor akaun **MAYBANK ISLAMIC: 5628 3462 9175** dan **CIMB BANK: 8601 8868 30**. Pembayaran melalui pihak ketiga tidak diterima. Bukti pembayaran perlu diserahkan kepada pihak syarikat.
- 5) Semua pakej umrah tertakluk kepada syarat kelulusan visa dari kerajaan Arab Saudi.
- 6) Aturcara perjalanan dan lawatan yang ditawarkan tertakluk kepada perubahan SOP semasa oleh kerajaan Arab Saudi.
- 7) Setiap pelanggan diwajibkan mempunyai telefon pintar yang menyokong aplikasi Nusuk. Kedua-dua aplikasi ini wajib dimuat turun oleh pelanggan untuk digunakan di Arab Saudi.
- 8) Setelah pengesahan umrah dibuat, sebarang perubahan kepada tempahan yang dipohon oleh pelanggan akan dikenakan caj pindaan RM300 seorang bagi setiap pindaan serta kos-kos yang terlibat kerana pindaan. Tiada perubahan yang boleh dibuat dalam masa 15 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan.
- 9) Pihak Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung kerugian bagi apa-apa perbelanjaan atau bayaran balik pakej umrah sekiranya pelanggan tidak dibenarkan keluar dan masuk negara oleh pihak Imigresen kerana melanggar undang-undang Malaysia atau Arab Saudi.
- 10) Tiada bayaran balik atau pengurangan harga akan dibuat sekiranya pelanggan tidak menggunakan mana-mana perkhidmatan yang termasuk dalam pakej atas sebab peribadi.
- 11) Pelanggan yang memanjangkan tempoh tinggal di Arab Saudi untuk aktiviti / perjalanan peribadi mesti mendapatkan kebenaran dari pihak Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd terlebih dahulu.
- 12) Harga yang ditunjukkan adalah harga pada masa penerbitan. Harga tertakluk kepada perubahan yang disebabkan oleh kenaikan pada kos penerbangan, kos pengangkutan, kos hotel, kadar pertukaran matawang asing, cukai kerajaan Arab Saudi dan Malaysia. Pihak Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd berhak menaikkan harga pakej berdasarkan kenaikan harga kos semasa melalui notis makluman.
- 13) Sekiranya terdapat perubahan tarikh dan masa oleh syarikat penerbangan atau perubahan situasi semasa keadaan di Arab Saudi yang memerlukan kepada tambahan penginapan, pengangkutan dan jadual program, pengiraan alternatif kos tambahan akan dilaksanakan dan Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas kos tersebut.
- 14) Pihak Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd berhak untuk membatalkan atau menarik balik sebarang tempahan dan jadual perjalanan, atau enggan menerima seseorang menjadi pelanggan sekiranya dia didapati membahayakan keselamatan atau kesihatan, atau dia mengganggu keselesaan dan keseronokan pelanggan lain dalam kumpulan tersebut.
- 15) Pihak pengurusan Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd berhak untuk menolak, mengubah, meminda, memadam atau menambah terma dan syarat yang dinyatakan atau menarik balik sebarang promosi pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
- 16) Terma dan syarat pilihan tambahan adalah sama seperti di dalam booklet pakej Maghfirah.
- 17) Bagi pelanggan yang mengambil pilihan tambahan, perlu membuat bayaran penuh nilai tersebut ketika berdaftar.

PAKEJ TERMASUK

- 1) Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk cukai penerbangan, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api.
- 2) **Permohonan Visa Pelancong (tertakluk kepada kelulusan dan perubahan SOP semasa kerajaan Arab Saudi):**
 - Visa ini akan digunakan dan hanya dibenarkan kepada pelanggan warganegara Malaysia, Singapura dan Brunei sahaja di kawasan Asia Tenggara
 - Pelanggan berumur 18 tahun ke atas boleh memohon sendiri, manakala pelanggan berumur di bawah 18 tahun boleh memohon bersama penjaga.
 - Visa sah digunakan selama setahun dari tarikh permohonan. Tempoh maksima dibenar tinggal di Arab Saudi adalah selama 3 bulan (90 hari). Visa ini adalah kemasukan berulang (multiple entry).
 - Harga visa termasuk dengan pelan insurans Covid-19 yang diwajibkan oleh kerajaan Arab Saudi.
 - Visa ini hanya terpakai kepada penerbangan berjadual (schedule flight) sahaja yang masuk melalui Terminal Antarabangsa Arab Saudi. Penerbangan sewa khas (charter flight) tidak dibenarkan menggunakan visa ini.
 - Pihak Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab atas kerugian sekiranya permohonan yang diproses tidak diluluskan oleh kerajaan Arab Saudi atas faktor-faktor tertentu atau faktor keselamatan. Setiap permohonan yang tidak diluluskan hendaklah dirujuk terus kepada Kedutaan Arab Saudi.
- Permohonan Visa Umrah (tertakluk kepada kelulusan dan perubahan SOP semasa Arab Saudi):**
 - Visa ini hanya akan digunakan kepada warganegara selain Malaysia, Singapura, dan Brunei, atau mereka yang memerlukan dan tertakluk atas faktor-faktor tertentu yang akan dinilai oleh Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd.
 - Pelanggan lelaki di bawah umur 18 tahun serta pelanggan wanita berumur 45 tahun ke bawah perlu kepada mahram.
 - Pelanggan perlu mengemukakan salinan dokumen mahram yang disahkan oleh Jabatan Kerajaan berkaitan.
 - Visa sah digunakan selama 30 hari dari tarikh dikeluarkan. Tempoh maksima dibenar tinggal di Arab Saudi adalah selama 30 hari. Visa ini adalah kemasukan sekali (single entry).
 - Harga visa termasuk dengan pelan insurans Covid-19 yang diwajibkan oleh kerajaan Arab Saudi.
 - Pihak Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab atas kerugian sekiranya permohonan yang diproses tidak diluluskan oleh kerajaan Arab Saudi atas faktor-faktor tertentu atau faktor keselamatan. Setiap permohonan yang tidak diluluskan hendaklah dirujuk terus kepada Kedutaan Arab Saudi.
- 3) Penginapan, makan dan minum serta pengangkutan di Arab Saudi termasuk cukai seperti mana dinyatakan di dalam pakej.
- 4) Tempat lawatan seperti mana yang dinyatakan dalam pakej (tertakluk kepada kebenaran dan perubahan SOP semasa kerajaan Arab Saudi).
- 5) Barang hadiah seperti mana dinyatakan dalam pakej.
- 6) Air Zamzam (tertakluk kepada kebenaran kerajaan Arab Saudi).

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- 1) Kos rawatan, ubat-ubatan, wad dan kuarantin di hospital Arab Saudi yang tidak dilindungi atau melebihi perlindungan insurans.
- 2) Perkhidmatan porter atau khidmat tambahan lain di lapangan terbang atau di Arab Saudi yang tidak dinyatakan di dalam pakej.
- 3) Penggantian nilai barangan peribadi yang hilang di mana-mana lokasi sepanjang perjalanan dan caj lebihan timbangan bagasi.
- 4) Sebarang perubahan kadar matawang asing yang menyebabkan kenaikan harga penginapan, pengangkutan, tiket penerbangan, cukai penerbangan, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api.
- 5) Program lawatan atau aktiviti ke tempat yang tidak dinyatakan dalam pakej.
- 6) Makan dan minum yang tidak dinyatakan dalam pakej.

MENARIK DIRI / PEMBATALAN

PEMBATALAN OLEH PELANGGAN

- 1) Pelanggan berdaftar tidak dibenarkan menarik diri tanpa sebarang sebab yang kukuh.
- 2) Permohonan pembatalan perlu dikemukakan melalui surat dan bukti bertulis dari mana-mana organisasi (sekiranya ada) atas nama Pengarah Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd bagi mengelakkan salah faham.
- 3) Pembatalan yang melebihi tempoh 45 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj RM300 seorang atau 15% dari harga pakej mengikut mana yang lebih tinggi.
- 4) Pembatalan dalam tempoh 36 - 44 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 35% dari harga pakej.
- 5) Pembatalan dalam tempoh 16 - 35 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 50% dari harga pakej.
- 6) Pembatalan dalam tempoh 8 - 15 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 75% dari harga pakej.
- 7) Pembatalan dalam tempoh 7 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 100% dari harga pakej.
- 8) Pelanggan yang berdaftar tertakluk kepada syarat-syarat pembatalan yang ditetapkan Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd.

PEMBATALAN DISEBABKAN FAKTOR LUAR KAWALAN SYARIKAT

- 1) Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd berhak membatalkan tempahan pakej umrah jika berlaku keadaan luar jangka dan memaksa seperti pandemik, bencana alam, perang, mogok, rusuhan atau atas arahan kerajaan Malaysia dan kerajaan Arab Saudi.
- 2) Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd akan mengesyorkan tarikh alternatif yang sama nilai dengan pakej umrah yang ditempah oleh pelanggan.
- 3) Sekiranya pelanggan tidak menerima tawaran alternatif yang diberikan, semua wang yang telah dibayar akan dipulangkan kembali selepas ditolak caj berikut:
 - Caj RM300 atau 15% seorang dari harga pakej (mengikut mana yang lebih tinggi) serta termasuk;
 - Apa-apa caj penalti yang dikenakan oleh syarikat penerbangan atau;
 - Sebarang bayaran yang telah dibayar oleh Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd kepada mana-mana pembekal atau pihak ketiga.
- 4) Pelanggan yang berdaftar tertakluk kepada syarat-syarat pembatalan yang ditetapkan Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd.

PEMBATALAN OLEH SYARIKAT

- 1) Sekiranya keadaan memerlukan Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd membatalkan perjalanan pakej umrah disebabkan kekurangan pelanggan atau ketidakmampuan untuk memperoleh kemudahan pengangkutan atau penginapan, semua wang yang telah dibayar oleh pelanggan akan dipulangkan.
- 2) Pembatalan dalam tempoh 8 - 4 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan diberi pampasan sebanyak RM150 seorang.
- 3) Pembatalan dalam tempoh 1 - 7 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan diberi pampasan sebanyak RM225 seorang.
- 4) Pembatalan pada hari penerbangan akan diberi pampasan sebanyak RM300 seorang.

PENGAKUAN

- 1) Saya dengan rela hati bersetuju menerima tawaran pakej dan bersetuju mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MAGHFIRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD.
- 2) Saya mewakili ahli keluarga / kumpulan yang bersama mengikuti pakej ini dengan rela hati bersetuju menerima tawaran pakej dan bersetuju mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MAGHFIRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD.
- 3) Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan MAGHFIRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD untuk menyimpan maklumat peribadi saya serta keluarga dan boleh memberi akses kepada sesetengah maklumat terkumpul dalam data pendaftaran atau data berkaitan kepada pihak ketiga dengan syarat maklumat tersebut tidak mengenalpasti mana-mana orang perseorangan kecuali dibenarkan oleh saya atau atas tujuan yang baik atau berlandaskan kepada kehendak undang-undang dan proses perundangan.

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah menerima membaca risalah pakej MAGHFIRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD yang dilampirkan serta memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat di dalamnya. Saya mengakui segala butiran yang saya berikan di sini adalah benar.

Yang benar,

Pengesahan Pegawai Maghfirah Travel & Tours Sdn Bhd

Nama :

Nama Pegawai :

No. K/P :

Tarikh Pendaftaran :

Tarikh :